

Headline	MBI jimat RM2.5 juta guna panel solar PV		
MediaTitle	Sinar Harian	Language	Malay
Date	02 Sep 2021	Readership	420,000
Circulation	140,000	Page No	25
Section	Nasional	Journalist	N/A
ArticleSize	214 cm ²		
PR Value	RM 13,611		



MBI jimat RM2.5 juta guna panel solar PV

IPOH - Pemasangan panel solar fotovoltaik (PV) di bangunan Pusat Transformasi Bandar (UTC) Perak di sini mampu memberi penjimatan penggunaan bil elektrik sehingga RM2.5 juta kepada Majlis Bandaraya Ipoh (MBI).

Datuk Bandar Ipoh, Datuk Rumaizi Baharin berkata, jumlah penjimatan tersebut adalah bagi tempoh 21 tahun menerusi kontrak Perjanjian Bekalan Tenaga Boleh Baharu (SARE).

Menurutnya, pemasangan panel solar itu yang siap sepenuhnya pada hujung Julai lalu merupakan projek pertama MBI dengan kerjasama Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan GSPARX Sdn Bhd (GSPARX).

“Penggunaan panel solar PV ini bertepatan dengan usaha MBI untuk mencapai matlamat menjadi bandar raya pintar lestari dan rendah karbon.

“Malah ia mampu menjimatkan sebanyak RM47,964 bil elektrik pada tahun pertama projek. Pada Ogos 2021, dengan menggunakan sistem solar ini bangunan UTC dapat menjimatkan 22 peratus bil TNB dari data yang direkodkan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat Projek Solar bersama Ketua Retail Negeri (Perak) TNB, Ir Mohd Azhar Abd Rashid di Bangunan UTC di sini pada Rabu.

Rumaizi berkata, satu Pelan Tindakan Bandar Pintar dan Rendah Karbon telah dihasilkan menerusi kerjasama pelbagai pihak dengan MBI termasuk TNB.

“Kerjasama berkenaan membolehkan Ipoh dibangunkan secara integrasi dan bukan berasingan. Banyak perkara akan dibangunkan untuk warga bandar raya hidup dengan aplikasi teknologi,” katanya.



Rumaizi (dua dari kanan) mendengar penerangan di tapak Projek Solar PV di Bangunan UTC Ipoh.